

05/06/2001

Nasib buruk tidak berlaku jika umat bersatu: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Umat Islam kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang mengancam kedudukan mereka di dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita lihat umat Islam di beberapa tempat begitu mundur, lemah dan ditindas oleh musuh Islam. Di sesetengah tempat lagi umat Islam diburu dan dibunuh serta dihalau dari tanah air kelahiran mereka," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, nasib buruk ini tidak seharusnya berlaku jika umat Islam bersatu padu dan memperlengkapkan diri dengan segala ilmu yang dapat mempertahankan, melindungi dan memajukan diri mereka.

Dr Mahathir berkata, sebenarnya umat Islam mampu memperbaiki nasib mereka sekiranya mengikuti segala perintah Allah dan mencontohi ajaran Nabi Muhammad.

"Jika kita mengikuti segala ajaran yang termaktub dalam al-Quran nescaya nasib umat Islam tidak seburuk ini. Malah, sebaliknya umat Islam akan menjadi umat yang berjaya dan maju," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Kebangsaan.

Sambutan itu yang bertemakan 'Perpaduan pemangkin pembangunan ummah' dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Stadium Putra Bukit Jalil dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, umat Islam harus bersyukur ke hadrat Allah kerana sekali lagi dapat menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad.

Katanya, sambutan itu diadakan antaranya untuk menunjukkan rasa syukur atas kelahiran seorang pemimpin agung yang membimbing manusia ke jalan hidup diredai Allah.

"Sambutan sebegini dapat menanam dan menyuburkan rasa kecintaan kita kepada Baginda yang berkorban untuk agama Islam dan umatnya. Sebagai balasan kepada jasa baik Baginda, kita yang menjadi umat pilihannya harus mengikuti segala pesanan dan ajaran yang ditinggalkannya demi kesejahteraan kita dan umat Islam.

"Sekiranya kita mampu memiliki sifat dan keperibadian Baginda yang begitu mulia, ia bukan sekadar menunjukkan rasa kasih kita kepada Baginda malah menjamin kita mencapai kebahagiaan dan kejayaan dalam hidup di dunia dan akhirat," katanya.

Sempena Maulidur Rasul, Dr Mahathir juga menasihatkan umat Islam supaya berazam memperbaiki diri dan kehidupan ummah ke arah kebaikan serta kejayaan dengan mematuhi segala ajaran al-Quran dan mengikuti sunnah Nabi Muhammad.

Dalam perutusan yang sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata sambutan Maulidur Rasul kali ini seharusnya dapat dijadikan pemangkin ke arah perpaduan bagi menyatukan ummah.

Katanya, perpaduan adalah unsur yang sangat penting dalam membina sesebuah negara sama ada dalam aspek pembangunan fizikal, kestabilan politik, pemantapan ekonomi dan keamanan negara.

"Dalam hubungan ini, negara kita sebagai sebuah negara yang pesat membangun di rantau ini tidak mampu melihat unsur penting ini diganggu-gugat. Jika ini berlaku segala usaha dan pencapaian kita selama ini akan terbantut dan musnah.

"Sejarah mengajar kita betapa perpecahan bukan saja boleh menghalang sesebuah negara daripada terus berkembang maju, malah boleh meruntuhkan

tamadun sebuah empayar besar," katanya.
(END)